

Masalah remaja perlu penyelesaian segera

Media kerap menyiarkan isu remaja dengan pelbagai masalah dan kejayaan. Di samping yang berjaya dalam pelbagai sektor, ada juga yang terbabit dalam isu sosial.

Tidak hairanlah penularan video dan gambar tersebar luas di internet. Kemudahan digital termasuk telefon pintar memudahkan mereka memuat naik aksi yang tidak sesuai.

Pensyarah Program Komunikasi, Universiti Sains Islam Malaysia, Prof Dr Musa Abu Hassan kesal kerana banyak isu peribadi didedahkan menerusi Facebook dan Twitter.

Kes seorang penyanyi yang mendedahkan masalah peribadi di media sosial menjadi contoh sesuai betapa remaja kurang memahami isu yang wajar didedah secara terbuka atau menjadi rahsia peribadi.


Jika dulu diari menjadi simpanan peribadi. Masalah dan rintihan hanya untuk diri sendiri. Media sosial kini menjadi tempat ciri peribadi didedah secara terbuka.

Budaya *skinhead* dan *punk* juga menular di negara kita. Walaupun tidak ramai yang terbabit, ia boleh membahayakan jika dibiarkan tanpa kawalan.

Begitu juga hubungan bebas berlainan jantina yang boleh mengancam keharmonian masyarakat.

Ahli masyarakat perlu mengkaji kesan gejala sosial terhadap generasi muda. Walaupun ramai yang bertindak waras, ada juga yang menggunakan masa remaja untuk melakukan aktiviti tidak berfaedah.

Suzana Azmi,
Universiti Sains Islam Malaysia



Anggota polis berpakaian preman melakukan pemeriksaan rambang bagi mencegah gejala sosial.

[FOTO ILLUSAN]